

22/05/2003

RM1 bilion atasi masalah ceti haram

PUTRAJAYA: Kerajaan memperuntukkan tambahan dana sebanyak RM1 bilion untuk

Skim Kredit Mikro bagi membantu peniaga kecil mendapatkan pinjaman, sekali

gus mengelakkan golongan itu menggunakan khidmat ceti haram.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata program kredit

mikro untuk membantu peniaga kecil diperkemaskan dengan menyusun semula Bank Pertanian Malaysia (BPM) supaya menjadi bank kredit mikro bagi menguruskan pembiayaan perniagaan dan perusahaan kecil di sektor pertanian.

Untuk itu, katanya, kerajaan memperuntukkan RM500 juta untuk Skim Kredit

Mikro di bawah BPM.

Di samping itu, Dr Mahathir berkata, dana Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)

akan ditambah RM200 juta dan diletakkan di bawah Skim Kredit Mikro BPM.

Kerajaan juga menyediakan satu lagi dana kredit mikro RM300 juta dan diletakkan di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN), khusus untuk membiaya projek bukan pertanian.

"Kerajaan peka kepada keluhan berterusan mengenai akses kemudahan pinjaman kepada peniaga kecil.

"Kerajaan akui walaupun bank memenuhi kuota bagi peniaga kecil dan sederhana tetapi kelemahan penyaluran dana oleh institusi kewangan mengakibatkan kegiatan pinjaman haram," katanya ketika mengumumkan Pakej Strategi Baru bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata antara langkah utama pakej itu adalah penubuhan Skim Kredit Mikro untuk peniaga kecil.

Syarat pinjaman di bawah skim itu dipermudahkan dengan kadar faedah pinjaman pada empat peratus tanpa cagaran, sementara pembayaran balik akan

dijadualkan mengikut penerimaan aliran tunai mereka.

Selain itu, sistem mentoring akan diperkenalkan bagi memastikan peminjam

membuat bayaran balik secara harian, mingguan atau bulanan berasaskan aliran tunai.

Kerajaan juga mengumumkan insentif tambahan kepada syarikat kecil membabitkan pengecualian cukai pendapatan di bawah Taraf Perintis ditingkatkan daripada 70 peratus sekarang kepada 100 peratus manakala pendapatan berkanun yang boleh digunakan bagi tujuan elaun cukai dinaikkan

daripada 70 peratus kepada 100 peratus.